

1.1 PENDAHULUAN.

'Pemuda Harapan Bangsa Pemudi Tiang Negara'

Begitulah bidalan Melayu terhadap pentingnya pemuda dan pemudi di dalam sesebuah negara. Jatun dan bangunnya sesebuah negara itu adalah terletak kepada kecemerlangan pencapaian golongan pemuda dan pemudinya iaitu golongan remaja. Oleh sebab itu apabila timbul sesuatu fenomena yang berkait dengan golongan remaja, setiap pinak sama ada kerajaan atau masyarakat umum dengan mudah ikut serta memberikan buah fikiran dan tanggapannya terhadap fenomena tersebut agar sesuatu yang negatif akan dapat segera di perbaiki.

Remaja pada hari ini dikatakan banyak menimbulkan masalah akhlak dan moral seperti terlibat dengan pelbagai kes dadah, peras ugut, rogol, pelacuran, judi dan pelbagai lagi perbuatan yang tidak bermoral.

Di bandar besar seperti Kuala Lumpur ini, mereka didapati berkumpul di stesen-stesen bas, kompleks-komplek membeli beish, taman-taman rekreasi dan tempat-tempat riadah. Mereka menonjolkan perangai mereka yang tidak sopan dan tidak bermoral

di khalayak ramai. Di Daya Bumi misalnya setiap petang hingga larut malam, di bawah bebayang lampu, puluhan pasangan remaja duduk memadu kasin. Di samping itu di Uтарan Merdeka (dulu dikenali sebagai Padang Kelab Selangor) yang baru siap dibina untuk memperingati detik-detik kemerdekaan juga telah disalahgunakan untuk aktiviti-aktiviti yang kurang sihat. Di kompleks-komplek membeli belah pula kelinatan para remaja duduk-duduk sambil mengganggu orang yang lalu lalang.

Gejala-gejala yang tidak sihat ini bukan tidak disedari, malah seringkali ia kelinatan dipaparkan di dada-dada akhbar untuk dijadikan bahan renungan dan teguran sekali gus. Malangnya usaha yang sedikit ini kurang menimbulkan kesan yang positif.

Soalnya sekarang, berapa ramaikah golongan remaja yang dimaksudkan seperti di atas, yang benar-benar sedang menuju ke arah keruntuhan moral? Adalah tidak adil sekali kalau kita mengambil secara rambang perlakuan dan perbuatan beberapa 'kerat' golongan remaja hari ini yang menjadi liar sebagai kayu ukur yang mutlak untuk mengecap mereka sebagai golongan yang sudah tidak bermoral.

Menyalahkan para remaja semata-mata adalah suatu perkara yang tidak adil kerana perumpamaan Melayu mengatakan 'melentur

buluh biarlah dari rebungnya'. Oleh itu pembentukan peribadi remaja adalah menjadi tanggung jawab ibu bapa. Keperibadian remaja yang baik hari ini akan melambangkan kegemilangan masyarakat yang akan datang.

Pemilihan tajuk ini dirasakan wajar di tengah-tengah masyarakat hari ini yang sedang menghadapi kemelut keruntuhan akhlak di kalangan para remaja. Pemilihan tajuk ini dengan memfokuskan kepada masalah remaja dan penyelesaiannya dari perspektif Islam bukanlah sekadar untuk mencari kelemahan mana-mana pihak. Apa yang lebih penting dan utama ialah untuk membuka pemikiran semua pihak ke arah penyelesaian yang lebih jitu dan mendatangkan manfaat kepada golongan remaja kita.

Kita bukan sahaja dilahirkan untuk mengkritik, bahkan juga untuk membina dan membangunkan masyarakat berdasarkan pengalaman dan pemikiran yang wajar iaitu satu alternatif yang cukup positif demi kesejahteraan umat Islam seluruhnya.

1.2 **MATLAMAT KAJIAN.**

Kajian ini dibuat sebagai satu usaha untuk melihat sejauh mana seriusnya masalah yang dikatakan melanda golongan remaja di Kuala Lumpur pada masa ini. Kajian-kajian yang berkaitan dengan masalah-masalah remaja boleh dikatakan masih lagi berkurangan dan agak kurang menarik perhatian para pengkaji di negara ini, kecuali yang berkaitan dengan pendidikan dan psikologi mereka.

Walaupun begitu, terdapat juga sedikit sebanyak persoalan yang sering ditimbulkan oleh pihak akhbar dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang bahangnya perkembangan terbaru yang melanda para remaja kita. Cumanya, penggarapan persoalan ini dilakukan belum menyeluruh dan belum cukup terperinci. Kebanyakan persoalan yang biasa timbul dilakukan secara rambang sahaja dan sudah tentu ia sukar untuk dijadikan sebagai satu bahan bukti yang kukuh.

Penulis berpendapat bahawa masalah-masalah remaja perlu diketengahkan dan diberikan perhatian yang lebih serius kerana masalah ini dikawatiri akan berleluasa dan menjadi barah di dalam masyarakat. Malahan masalah ini akan menimbulkan gangguan bukan sahaja terhadap diri individu itu sendiri tetapi juga menimbulkan kesan yang kurang sihat di kalangan masyarakat seluruhnya.

Secara lebih terperinci, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk:

1. Menjelaskan siapakah sebenarnya remaja dan masalah yang berhubung kait dengan perkembangan mereka.
2. Menaparkan masalah yang melanda para remaja di Kuala Lumpur.
3. Mendedahkan punca-punca yang menyebabkan para remaja menghadapi krisis keruntuhan moral.
4. Mengemukakan penyelesaian masalah tersebut dari sudut pandangan Islam.
5. Memberikan sedikit ulasan dan beberapa saranan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Di dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini banyak juga masalah yang terpaksa penulis hadapi. Antaranya yang paling menyukarkan ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data yang berkaitan dengan masalah remaja di Kuala Lumpur. Penulis terpaksa berkejar ke sana dan ke mari untuk mengumpulkan bahan-bahan yang diperlukan. Ia bukan sahaja banyak menggunakan kekuatan tenaga fizikal bahkan juga banyak memerlukan kepada sumbangan material. Malahan pada suatu waktu pula penulis terpaksa mengorbankan masa kuliah semata-mata untuk memenuhi temujanji yang telah dibuat.

Di samping itu juga penulis terpaksa menghadapi kesukaran untuk menembual para remaja. Kebanyakan mereka enggan bekerjasama dan kurang 'sporting' untuk menceritakan masalah mereka. Ada kalanya mereka menjawab pertanyaan dengan nada acuh tak acuh sahaja. Walau bagaimanapun tidak kurang yang dengan senang hati menjawab segala pertanyaan, namun masih meminta agar nama mereka yang sebenar dirahsiakan.

Pada suatu ketika yang lain penulis terpaksa berhadapan dengan masalah kesihatan. Ini menyebabkan penulis menjalankan kajian dengan agak perlahan tetap penuh berhati-hati.

METODOLOGI PENELITIAN.

Di dalam kajian ini penulis telah menetapkan beberapa metod untuk memudahkan kerja-kerja kajian dijalankan iaitu:

1. Metod penentuan subjek.
2. Metod observasi.
3. Metod temubual.
4. Metod dokumentasi.
5. Metod kajian perpustakaan.

1.4.1 METOD PENENTUAN SUBJEK.

Di dalam menentukan subjek penelitian, penulis memilih Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk dijadikan sebagai model kajian. Aspek yang disentuh secara tidak langsung termasuklah berkenaan dengan sejarah pemubuhan, kedudukan, keluasan, jumlah penduduk dan taburan kependudukan.

Penulis memilih Kuala Lumpur sebagai model kajian berdasarkan beberapa faktor. Antaranya kerana daerah keluasan yang agak kecil sudah tentu memudahkan penulis untuk membuat penumpuan. Selain daripada itu Kuala Lumpur merupakan pusat tumpuan yang utama bagi segala kegiatan merangkumi kegiatan ekonomi, politik dan juga sosial.

Dengan keluasan yang terhad, Kuala Lumpur terpaksa menampung jumlah penduduk yang semakin bertambah dari masa ke masa. Pertambahan penduduk yang semakin besar dan tidak terkawal sudah tertentu akan menerbitkan berbagai masalah, tidak terkecuali yang bertubung dengan masalah social.

Justeru itu pemilihan Kuala Lumpur sebagai model kajian adalah satu pemilihan yang dirasakan tepat untuk menggambaran tentang masalah sebenar yang melanda golongan remaja di bandar yang sedang pesat dengan berbagai pembangunan.

1.4.2 NETOL OBSERVASI.

Penulis mengumpulakan bahan melalui pemerhatian lawatan (visiting observatio) dan pemerhatian ikut serta (participent observation). Tumpuan penulis khususnya ialah di pusat bandar kerana di situlah tempat paling menarik yang menjadi tumpuan para remaja. Unpamanya di sekitar bangunan Daya Bumi, Central Market, Dataran Merdeka, di tepi-tepi tasik dan di kompleks membeli belah.

Di dalam kajian ini penulis sempat bertembual dengan Timbalan Pengetua merangkap Kauncelor Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur ; Encik Ami Hashim, untuk mendapat penerangan serba ringkas berkenaan fungsi utama sekolah tersebut di samping menyelami masalah yang melibatkan pelatih-pelatih sekolah tersebut. Di samping itu juga penulis diberi kesempatan bertembual dengan beberapa orang pelatih sekolah tersebut.

Sementara itu penulis juga berpeluang bertembual dengan Pengarah Pemulihan Akhlak, Kementerian Kebajikan Masyarakat; Encik Jaafar Abd.Wahid bagi mendapatkan data-data dan statistik berhubung dengan para remaja yang didapati bermasalah dan bersalah atas tuduhan jenayah juvana, kes-kes yang dilakukan, jumlah juvana yang mendapat seliaan dari Kementerian tersebut serta jumlah kes yang telah tamat tempoh seliaan.

Untuk memperluangkan lagi kajian yang dijalankan, penulis dapat menemui Inspektor E. Mohamad Khalid dari Bahagian Orang Hilang, Unit Risiko Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Daripada Unit ini penulis memperolehi banyak bahan berhubung dengan jenayah yang dilakukan oleh para remaja sana ada untuk kes di seluruh Malaysia keseluruhannya atau pun khusus untuk kes-kes yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur sahaja.

Untuk mengetahui tentang masalah yang dialami oleh para remaja dengan lebih jelas lagi, penulis sempat menemui beberapa orang remaja untuk ditemubual dan bertanyakan tentang hal-hal yang bersangkutan pent dengan kehidupan mereka dan juga masalah-masalah yang mengganggu hidup mereka.

1.4.4 METOD DOKUMENTASI.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Bahan-bahan dokumentasi adalah berupa bahan-bahan keterangan bertulis. Penulis banyak memperolehi bahan-bahan tersebut melalui kertas kerja seminar, laporan dan rekod-rekod resmi dari jabatan yang berkaitan, data-lata dan statistik, majalah-majalah dan juga keratan-keratan akhbar.

Antara pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama untuk mendapatkan bahan-bahan yang tersebut di atas ialah:

1. Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur.
2. Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur.
3. Unit Risikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.
5. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
6. Orang perseorangan.

1.4.5 METOD KAJIAN PERPUSTAKAAN.

Penulis menggunakan metod ini untuk mendapatkan maklumat dasar berkenaan dengan tajuk kajian terutamanya berkenaan dengan pemecahan dan pengturaian definasi tertentu seperti remaja dan perkembangan yang berkaitan dengannya, di samping sedikit sebanyak tentang kajian Kuala Lumpur.

Penulis banyak mengambil manfaat daripada perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Perdana Menteri dan juga Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.5 SAMPEL KAJIAN.

Di dalam metod temubual penulis menggunakan sampel yang terdiri daripada:

1. Timbalan Pengetus serangkap Kaunselor Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur; Encik Azmi Hashim.
2. Encik Jaafar Abd. Wahid; Pengarah Pemuliharaan Akhlak Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur.
3. Inspektor Tu Mohamad Khalid; Bahagian Orang Hilang, Unit Risiko Jenayah, Balai Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Sampel bagi remaja yang ditemubuai pula terbahagi kepada dua kumpulan iaitu :

- 1. Kumpulan remaja yang mendapat seliaan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat iaitu seramai 6 orang. Mereka adalah terdiri daripada para pelatih Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi.**
- 2. Kumpulan remaja bebas (tidak mendapat seliaan).
Terdiri dari 6 orang remaja.**